


MERIAM HANG TUAH DI GOA

■ Simbol Kesultanan Melayu Melaka ditemui di India dipercayai dibawa Portugis



Oleh Syazwan Msar
mohdsyazwan@hmetro.com.my
Goa (India)

Meriam, rangka besi dan beberapa barang yang mempunyai simbol Kesultanan Melayu Melaka ditemui di bandar ini sekali gus membuktikan Portugis membawa keluar pelbagai artifak sejarah Melaka ke sini selepas menawan empayar kesultanan itu.

Mengikut catatan sejarah, pihak Portugis yang diketuai Afonso de Albuquerque membawa segala harita rampasan termasuk meriam, emas, perak dan manuskrip untuk dibawa ke Goa sebelum menyerahkannya kepada kerajaan Portugis.

Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (Universiti Putra Malaysia) UPM Dr Rohaidah Kamaruddin yang menjalankan ekspedisi menjelajahi

Hang Tuah di Goa, berkata, meriam yang ditemui di Kota Cabo da Rama iaitu kota pertahanan tentera Portugis di pantai Goa itu adalah sama seperti yang pernah digunakan Hang Tuah.

“Sekurang-kurangnya 10 meriam dipercayai milik Kesultanan Melayu Melaka dan pernah digunakan oleh Laksamana Hang Tuah ditemui di Kota Cabo da Rama iaitu kira-kira sejauh perjalanan dari Goa.

“Kota berkenaan dibina bagi memantau perairan Goa daripada ancaman musuh dan Afonso de Albuquerque menghadiahkan senjata itu kepada Vasco Da Gamma atas pertolongan yang diberikan atas usaha menakluk Melaka.

“Meriam itu mempunyai

simbol padi yang diperbuat daripada besi campuran digunakan untuk menangkis serangan musuh,” katanya, ketika ditemui di sini.

Beliau berkata, setiap satu meriam dengan anggaran berat 300 kilogram itu dibawa untuk memperkuatkuk kedudukan pertahanan usaha pihak tertentu yang mahu mengambilnya untuk disimpan sebagai artifak sejarah negara.

“Semua meriam terbatik kini tersedia di beberapa lokasi berasaskan di Goa dan kebanyakannya beranggapan senjata itu dibuat pihak Portugis walaupun hakikatnya ia dicipta oleh orang Melayu,” katanya ketika ditemui.

nyerang musuh,” katanya.

Selain itu, Dr Rohaidah berkata, meriam milik kesultanan Melayu Melaka itu dipercayai banyak diletakkan di kubu pertahanan di sekitar Goa dan sehingga kini tiada usaha pihak tertentu yang mahu mengambilnya untuk disimpan sebagai artifak sejarah negara.

“Semua meriam terbatik kini tersedia di beberapa lokasi berasaskan di Goa dan kebanyakannya beranggapan senjata itu dibuat pihak Portugis walaupun hakikatnya ia dicipta oleh orang Melayu,” katanya ketika ditemui.

Artifak ukiran bunga teratai ditemui

Goa (India): Rangka besi dan tembikar yang mempunyai ukiran bunga teratai sebagai simbol Kesultanan Melayu Melaka ditemui tersimpan di Gereja Basilica, Panaji, India, sebagai bahan sejarah milik Portugis di negara terbabit.

Artifak berkenaan dipercaya digunakan untuk menyimpan harta milik Kesultanan Melayu Melaka sebelum dirampas Portugis pada 1511. Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Rohaidah Kamaruddin berkata, bunga teratai digunakan sebagai lambang Kesultanan Melayu Melaka suatu ketika dahulu.

“Zaman kejatuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka menyebabkan pihak Portugis merampasnya dan dibawa ke Goa untuk digunakan dalam gereja mereka.

“Jika kajian menyeluruh dilaksanakan pasti menemui barang Kesultanan Melayu Melaka termasuk milik Laksamana Hang Tuah,” katanya. Sementara itu, K. Prakash, yang bekerja di Gereja Basilica berkata, rangka besi yang dibawa dari Melaka itu digunakan untuk menyimpan keranda.

“Selepas menawan Melaka, pihak Portugis tiba ke Goa dengan membawa pelbagai barang dan antara yang masih kekal sehingga kini adalah rangka besi berkenaan.

“Ada yang memberitahu sebelum ini digunakan di Melaka untuk mengangkat peti yang mengandungi harta sebelum dirampas Portugis,” katanya.

Artifak milik Kesultanan Melayu Melaka yang ditemui menimbulkan pelbagai persoalan sama ada Kapal Flor De La Mar karam atau sebaliknya kerana terdapat bukti yang menunjukkan pihak Portugis berjaya membawa harta rampasan ke tempat terbatik.